



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 25 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	SOP Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Skala Besar Ditambah Baik https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1328144/sop-perlindungan-kanak-kanak-dalam-skala-besar-ditambah-baik https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1138903/women-ministry-enhance-sop-child-protection-following-op-global https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dasar-kanak-kanak-negara-dilancar-perkukuh-usaha-jaga-kebajikan https://www.youtube.com/watch?v=YrNWzNZ5Tpw https://headtopics.com/my/women-s-minister-new-national-children-s-policy-ensures-62402441 https://headtopics.com/my/listen-to-the-voices-of-our-children-says-nancy-62394310 https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2367002 https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/anak-anak-yang-hadir-hari-ini-adalah-hari-anda-nancy-shukri-x99o45e	Berita Harian NST Berita RTM Astro Awani Head Topics Head Topics Bernama Astro Awani	Neutral

https://www.buletintv3.my/nasional/sop-perlindungan-kanak-kanak-dalam-skala-besar-akan-ditambah-baik-nancy-shukri/#google_vignette	Buletin TV3	
https://www.bernama.com/en/news.php?id=2367026	Bernama	
https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/dasar-kanak-kanak-negara-pastikan-suara-mereka-didengar/	Utusan	
https://selangorjournal.my/2024/11/new-national-childrens-policy-ensures-child-protection-welfare-minister/	Selangor Journal	
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1158603/kpwkm-tambah-baik-sop-beri-perlindungan-pada-kanak-kanak-dalam-skala-besar	Harian Metro	
https://www.sinarharian.com.my/article/698364/berita/nasional/dasar-kanak-kanak-negara-baharu-perkukuh-perlindungan-kebijakan---nancy	Sinar Harian	
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-ambil-pengalaman-isu-gisb-tambah-baik-dasar-kanakkanak-negara-497703	Astro Awani	
https://wartaoriental.com/2024/11/24/dasar-kanak-kanak-negara-pastikan-suara-mereka-didengar/	Warta Oriental	
https://www.suarakeadilan.my/post/dasar-baharu-perkukuh-perlindungan-kebijakan-kanak-kanak-dilancar	Suara Keadilan	
https://www.youtube.com/watch?v=Neu1mjG04Dc	Berita RTM	
https://www.youtube.com/watch?v=OOs72bVJ4ZQ	Astro Awani	
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-kanakkanak-negara-yang-baharu-pastikan-suara-kanakkanak-didengar-497683	Astro Awani	
https://www.youtube.com/watch?v=5-aM2HsrDeI	Buletin TV3	
https://www.youtube.com/watch?v=YBID7b0fPE8	Berita RTM	

	https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/24/dasar-kanak-kanak-negara-baharu-perkukuh-perlindungan-kebajikan-nancy	Utusan Borneo	
2.	<p>Kesedaran Mengenai Keganasan Terhadap Wanita Meningkat</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kesedaran-mengenai-keganasan-terhadap-wanita-meningkat</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1158207/kesedaran-mengenai-keganasan-wanita-meningkat#google_vignette</p> <p>https://www.thestartv.com/v/awareness-of-violence-against-women-is-increasing?rc=59b24d51b7aca</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/726809</p> <p>https://utusanv.com/2024/11/23/kesedaran-mengenai-keganasan-terhadap-wanita-meningkat-nancy/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/24/more-domestic-violence-victims-aware-theres-help-available-says-nancy</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/23/rising-reports-of-violence-against-women-signal-growing-awareness-says-nancy</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesedaran-mengenai-keganasan-terhadap-wanita-meningkat-nancy-497565</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1327643/kesedaran-mengenai-keganasan-terhadap-wanita-meningkat-nancy#google_vignette</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Star TV</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan TV</p> <p>The Star</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

<p>3.</p>	<p>Banjir Di Kelantan: 7 Keluarga Terawal Pindah PPS</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/132801/1/banjir-di-kelantan-7-keluarga-terawal-pindah-pps</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kelantan-bilangan-penduduk-terjejas-kekal-76</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2366600</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/23/bachok-jadi-daerah-pertama-dilanda-banjir-kelantan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bachok-daerah-pertama-di-kelantan-dilanda-banjir/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/22/bachok-daerah-pertama-kelantan-dilanda-bah/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>Harakah Daily</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p>	<p>Neutral</p>
<p>4.</p>	<p>Mangsa Banjir Menurun Kepada 481 Orang Di Enam Negeri Pagi Ini</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-menurun-kepada-481-orang-di-enam-negeri-pagi-ini-497660</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-lima-negeri-menurun-497776</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698308/berita/semasa/mangsa-banjir-menurun-kepada-481-orang-di-enam-negeri-pagi-ini</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2024/11/24/seramai-481-mangsa-banjir-direkodkan-di-enam-negeri-pagi-ini/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/23/lima-negeri-kini-dilanda-banjir-808-mangsa-terjejas/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/132761/1/jumlah-mangsa-banjir-di-lima-negeri-meningkat-pagi-ini</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Neutral</p>

5.	<p>Budak 12 Tahun Alami Kemurungan Dicabul Suami Pengasuh</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698270/berita/semasa/budak-12-tahun-alami-kemurungan-dicabul-suami-pengasuh#google_vignette</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/23/budak-perempuan-12-tahun-disyaki-dicabul-suami-pengasuh/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
6.	<p>640 Bayi Terselamat Daripada Terbiar</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/24/640-bayi-terselamat-daripada-terbiar/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
7.	<p>Taktik Licik Beri Bayi Ubat Batuk Raih Simpati</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698147/berita/nasional/taktik-licik-beri-bayi-ubat-batuk-raih-simpati</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p>'Tolong Jaga Anak Kami Dengan Baik, Penuh Kasih Sayang'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698395/edisi/utara/tolong-jaga-anak-kami-dengan-baik-penuh-kasih-sayang</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
9.	<p>Kanak-Kanak Berhak Dapat Pendidikan Awal Yang Berkualiti</p> <p>https://suarasarawak.my/kanak-kanak-berhak-dapat-pendidikan-awal-yang-berkualiti/#google_vignette</p>	<p>Suara Sarawak</p>	Neutral
10.	<p>Lama Tidak Kelihatan, 2 Beradik Warga Emas Disahkan Maut</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1158035/lama-tidak-kelihatan-2-beradik-warga-emas-disahkan-maut#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698167/berita/semasa/bau-busuk-bongkar-kematian-dua-beradik-warga-emas</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://malaysiagazette.com/2024/11/23/dua-beradik-warga-emas-ditemukan-mati-dalam-rumah/#google_vignette https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mayat-dua-beradik-warga-emas-ditemukan-mereput-di-kulai https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/22/bau-busuk-2-mayat-warga-emas-ditemukan/ https://makkalosai.com.my/2024/11/23/2-warga-emas-ditemukan-mati/	Malaysia Gazette Berita RTM FMT Makkal Osai	
11.	Warga Emas Rugi RM260,950 Ditipu ‘Pegawai NSRC Dan Polis’ https://www.kosmo.com.my/2024/11/23/warga-emas-rugi-rm260950-ditipu-pegawai-nsrc-dan-polis/#google_vignette	Kosmo	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

SOP PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DALAM SKALA BESAR DITAMBAH BAIK



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (tiga, kiri) mengiringi isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (empat, kiri) menyampaikan Pingat Hang Tuah 2024 kepada Muhammad Asri Rosli, 14, pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). - NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) perlindungan kanak-kanak dalam skala besar.

Ia susulan pengalaman mengendalikan kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global membabitkan GISB Holdings (GISBH) sebelum ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pengalaman itu dilihat sebagai pengurusan risiko yang memerlukan tindakan pantas.

"Dalam kes ini, pihak polis tiada bidang kuasa melindungi kanak-kanak yang diselamatkan (dalam Op Global).

"Justeru, kami bertindak pantas dengan melihat aspek aset dan penempatan mereka.

"Kita perlu melakukan susun atur bagi memindahkan mereka ke tempat perlindungan yang diwartakan dengan memastikan kelengkapan seperti katil mencukupi dengan persekitaran selamat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak 2024 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; serta Pengerusi Majlis Perwakilan Kanak-Kanak, Daniel Haqem Darul Hafiz.

Majlis dirasmikan isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Nancy berkata, KPWKM menghargai bantuan dihulurkan pihak swasta dalam meringankan beban menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kami perlu memastikan tempat perlindungan mempunyai kelengkapan mencukupi dan apabila aset seperti katil tidak cukup, kita perlu beli.

"Syukurlah banyak agensi swasta membantu meringankan beban dan mempercepatkan proses mendapatkan aset berkaitan.

"Situasinya kompleks dan memerlukan kesabaran tinggi dalam kalangan pegawai yang berdepan kekangan, namun semuanya berjalan lancar dengan kerjasama pelbagai agensi," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Nancy berkata, sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024 hari ini, menandakan pelancaran Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu.

Katanya, dasar itu memberi beberapa fokus termasuk perlindungan daripada keganasan, eksploitasi dan pengabaian.

"Antara fokus lain adalah perkembangan holistik dari segi fizikal, emosi, mental dan kerohanian.

"Ia juga memberi fokus kepada penyertaan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka," katanya.

Beliau berkata, dasar itu akan menjadi langkah penting dalam memperkukuh usaha menjaga kebajikan kanak-kanak dengan penuh perhatian.

"Ia juga bagi memastikan suara mereka didengari dan diambil kira dalam setiap keputusan yang memberi kesan kepada masa depan mereka," katanya.

KESEDARAN MENGENAI KEGANASAN TERHADAP WANITA MENINGKAT



Datuk Seri Nancy Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA, 23 November - Peningkatan kes keganasan terhadap wanita menunjukkan wujudnya kesedaran lebih tinggi dalam kalangan mangsa untuk tampil membuat laporan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata walaupun angka itu mungkin tidak mencerminkan keseluruhan situasi sebenar, namun ia membuktikan wanita kini semakin berani untuk mendapatkan bantuan.

"Memang kes-kes yang dilaporkan meningkat, tetapi itu hanya bagi mereka (wanita) yang berani tampil. Mungkin sebelum ini kes sudah banyak berlaku, tetapi tidak dilaporkan. Ini bermakna kesedaran sudah ada dan kita mahu ia terus diperkukuh," kata Nancy.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan program Larian Oren sempena Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2024, di sini.

Dalam pada itu lebih 3,000 peserta menyertai program yang disambut pada 25 November setiap tahun.

Nancy berkata, kempen itu turut menyeru seluruh dunia supaya menjadikan pencegahan keganasan berasaskan gender sebagai agenda utama negara.

Bertemakan 'UNiTE! Invest to Prevent Violence Against Women and Girls' di peringkat antarabangsa, ia merupakan seruan yang menunjukkan betapa pentingnya setiap individu menghentikan keganasan terhadap golongan wanita.

"Bermakna kesedaran itu sudah ada dalam kalangan wanita, jadi sebab itu kita anjur program seperti ini supaya ramai orang buka mata hanya wanita, kawan, ketua masyarakat, semua kena bantu untuk mereka yang terkesan. Kerana kadangkang mereka sendiri malu. Sebab takut ditinggalkan oleh pasangan. Hilang tempat bergantung," kata Nancy.

Turut diadakan pada program itu ialah aktiviti fun aerobic zumba, pameran usahawan dan cabutan bertuah.

BANJIR DI KELANTAN: 7 KELUARGA TERAWAL PINDAH PPS



Kakitangan JKM membantu mangsa banjir yang berpindah ke PPS SK Gual To'Deh. - FOTO IHSAN JKM

RANTAU PANJANG: "Kami memilih untuk pindah sendiri pada malam tadi tanpa bantuan anggota keselamatan kerana kami sudah biasa dan yakin selamat," kata Abdul Majid Ahmad, 58.

Abdul Majid adalah seorang ahli daripada tujuh keluarga di Kampung Bendang Perol, Gual To'Deh di sini, yang berpindah malam tadi ke pusat pemindahan sementara (PPS) susulan kediaman mereka dinaiki air.

Katanya, dia bersama-sama yang lain memindahkan ahli keluarga menggunakan perahu untuk keluar ke jalan utama dan ada juga yang meredah banjir sejauh 300 meter.

"Tambahan pula, paras air masih selamat untuk kami redah dan Alhamdulillah, pagi ini semua 32 mangsa yang juga sanak-saudara saya sendiri sudah selamat berpindah.

"Kami tidak dapat keluar lebih awal kerana perlu memastikan semua barangan sudah siap disimpan di tempat selamat dan berpakat untuk keluar malam tadi secara beramai-ramai.

"Alhamdulillah, urusan berpindah berjalan lancar dengan menggunakan lampu suluh memandangkan keadaan sudah gelap. Tambahan pula, kami sudah tahu selok-belok jalan yang sesuai untuk keluar," katanya dihubungi, hari ini.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bersiap sedia dari awal membantu mereka di penempatan itu, malah ketika berpindah pada malam tadi juga, ada pegawai yang sedia menunggu.

Sementara itu, Nor Azni Setapa, 49, berkata, dia bersyukur mereka sekeluarga selamat berada di PPS kerana sudah dua malam tidak dapat tidur lena memikirkan air yang sudah memenuhi kawasan perkarangan rumah.

"Macam biasa, kamilah yang menjadi 'penghuni' pertama PPS di sini, dan biasanya yang terakhir pulang memandangkan penempatan kami berada di kawasan rendah.

"Tetapi, gelombang pertama selalunya hanya banjir biasa yang tidak mengambil masa lama untuk surut, jadi kami berharap dapat segera pulang ke rumah kerana bimbang juga akan keselamatan harta benda," katanya.

Terdahulu, beberapa kampung di kawasan penempatan rendah, di sini, mula dilanda banjir sejak malam tadi.

MANGSA BANJIR MENURUN KEPADA 481 ORANG DI ENAM NEGERI PAGI INI



Sebahagian penduduk Kampung Terusan, Pasir Mas, membina titi bagi menghubungkan kediaman mereka ke jalan utama sebagai langkah persediaan awal menghadapi musim tengkujuh. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Mangsa banjir di seluruh negara berkurang kepada 481 orang daripada 116 keluarga di enam negeri setakat jam 6 pagi, pada Ahad. Menurut info banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), antara negeri terjejas adalah Melaka, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Johor dan Selangor.

Di Melaka, sebanyak tiga pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka yang menempatkan 178 mangsa dari 51 keluarga selepas banjir melanda di daerah Melaka Tengah.

Banjir di Terengganu melibatkan 223 mangsa daripada 43 keluarga yang ditempatkan di 6 PPS yang dibuka.

Daerah terjejas adalah di Marang dan Dungun.

Sementara itu di Kelantan, seramai 44 daripada 12 keluarga ditempatkan di sebuah PPS yang dibuka di Bachok.

Sarawak pula menempatkan 18 mangsa daripada empat keluarga di sebuah PPS yang dibuka di daerah Betong.

Johor menjadi negeri terbaharu terjejas banjir sejak Sabtu dengan 11 mangsa daripada empat keluarga yang ditempatkan di sebuah PPS di Segamat.

Negeri terakhir terjejas banjir ialah Selangor yang membuka sebuah pps di daerah Kuala Langat bagi menempatkan tujuh mangsa daripada dua keluarga.

BUDAK 12 TAHUN ALAMI KEMURUNGAN DICABUL SUAMI PENGASUH

KULAI – Polis memburu seorang lelaki yang disyaki terlibat mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di sebuah rumah di sini tahun lalu.

Menurut Ketua Polis Daerah Kulai, Superintenden Tan Seng Lee, siasatan awal mendapati suspek berusia 50-an itu merupakan suami kepada pengasuh yang menjaganya.

"Kita menerima satu laporan polis pada jam 6.40 petang pada Rabu mengenai seorang kanak-kanak tempatan berusia 12 tahun telah dicabul.

"Bagaimanapun, kejadian tersebut hanya terbongkar dan baru dilaporkan kepada pihak polis pada jam 6.40 petang, Rabu lalu," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati mangsa hadir ke hospital bagi mendapatkan rawatan akibat mengalami kemurungan.

"Seterusnya, pertemuan dengan pegawai perubatan ketika itu, membuatkan mangsa memberitahu dirinya telah dicabul oleh suspek.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum bawah Seksyen 14 akta sama," katanya.

'TOLONG JAGA ANAK KAMI DENGAN BAIK, PENUH KASIH SAYANG'



Nur Halimatussa'diyah menunjukkan Alia Majidah yang ditinggalkan dalam peti pelindung bayi di Orphan Care Foundation.

SUNGAI PETANI - Seorang bayi perempuan ditinggalkan dalam keadaan masih bertali pusat di peti pelindung bayi dengan dua keping nota memohon agar dipelihara dengan penuh kasih sayang, dua bulan lalu.

Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda, Nur Halimatussa'diyah Abu Yazid berkata, nota dipercayai diletakkan ibu bapa bayi tertulis dengan beberapa ayat.

"Ayat tersebut ialah 'Tolong jaga anak kami dengan baik dan penuh kasih sayang. Maaf sebab susahkan. Kalau boleh tolong jangan ubah nama anak ini. Terima kasih banyak-banyak'.

"Satu nota lagi ditulis perkataan 'Alia Majidah binti Al-Hafiz/Abdullah',"katanya.

Menurut Nur Halimatussa'diyah, kejadian pada jam 12.05 tengah malam 15 September itu disedari petugas Orphan Care Foundation, Taman Ria Jaya di sini setelah loceng penggera dibunyikan secara automatik apabila bayi diletakkan dalam peti pelindung.

"Bayi yang dipercayai dilahirkan pada 14 September itu dibalut menggunakan tuala dan dihantar bersama lampin pakai buang serta dua nota tersebut," katanya.

Bagaimanapun, bayi perempuan yang kini memasuki usia lebih dua bulan itu, telah dipersetujui didaftarkan atas nama Alia Majidah Abdul Hafiz.


Nur Halimatussa'diyah berkata, pada 29 Oktober lalu, satu perintah jagaan sementara telah diperoleh sebagai keizinan meletakkan bayi di tempat selamat.

Jelasnya, tujuan siaran media ialah bagi mengenal pasti waris bayi perempuan berkenaan sebelum tindakan lanjut dilakukan.

"Orang ramai yang mengetahui sebarang maklumat berkaitan bayi terbabit, diminta menghubungi Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Muda di talian 04-4204900," katanya.

Tambah beliau, sekiranya tiada waris yang tampil selepas tempoh tuntutan tamat, bayi berkenaan akan diserahkan kepada orang layak dan sesuai untuk dipelihara.

LAMA TIDAK KELIHATAN, 2 BERADIK WARGA EMAS DISAHKAN MAUT



ANGGOTA bomba melakukan operasi membuka rumah warga emas yang dilaporkan meninggal dunia. FOTO Ihsan JBPM.

Kulai: Misteri dua beradik warga emas tidak dilihat jiran selama beberapa hari lalu, terjawab apabila kedua-duanya ditemukan meninggal dunia di kediaman mereka di Taman Mewah di sini, hari ini.

Mayat kedua-duanya ditemukan selepas jiran seorang jiran membuat laporan polis selepas terhidu bau busuk dari rumah itu.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendan Tan Seng Lee mengesahkan menerima laporan berkaitan kematian sepasang warga emas berusia 65 dan 67 tahun.

"Kes masih dalam siasatan, namun siasatan awal menunjukkan tiada unsur jenayah. Setakat ini, ia diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Johor memaklumkan menerima panggilan untuk bantuan membuka rumah berkunci pada 12.37 tengah hari.

Katanya, enam anggota Bomba Bomba dan Penyelamat Kulai bersama jentera dan kenderaan EMRS ke lokasi dan dimaklumkan sepasang warga emas terkunci di dalam rumah.

Menurutnya, tindakan segera diambil sebelum mangsa disahkan meninggal dunia dan diserahkan kepada polis.

"Operasi tamat pada 1.58 tengah hari," katanya dalam kenyataan.